

609:

MAHATHIR-JUBLI

1975

KUALA LIPIS, 18 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN MENGUNTUKKAN \$4.1 JUTA UNTUK PROJEK KEMAJUAN PELAJARAN DI NEGERI PAHANG TAHUN INI.

DEMIXIAN KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED DALAM UCAPANNYA MERASMIKAN PERAYAAN JUBLI INTIN SEKOLAH CLIFFORD DI SINI HARI INI. UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH TIMBULANNYA, ENCIK CHAN SIANG SUN.

KATA DR. MAHATHIR, PERUNTUKAN SEBANYAK ITU TIDAKLAH MENCUKUPI UNTUK MENGADAKAN SEKALI GOS SEGALA KEMUDAHAN PELAJARAN SEPERTI BANGUNAN BARU SEKOLAH, BILIK-BILIK TAMBAHAN DAN SEBAGAINYA KERANA BANYAK LAGI PROJEK-PROJEK YANG ADA DALAM SENARAI KEUTAMAAN.

BAGAIMANAPUN, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENGATASI MASAALAH ITU DAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK KEMUDAHAN PELAJARAN SUPAYA ANAK-ANAK DAPAT BELAJAR DENGAN LEBIH SEMPURNA.

DISAMPING ITU, NEGARA INI MENGHADAPI MASAALAH KEKURANGAN GURU YANG TERLATIH. -BERSAMBUNG 1700/MM

610:

MAHATHIR-JUBLI 2 KUALA LIPIS

UNTUK MENGATASI MASAALAH INI, KEMENTERIAN SEDANG BERUSAHA MEMBERI LATIHAN KEPADA SEMUA GURU SEMENTARA YANG BERKELAYAKAN.

LATIHAN INI AKAN DIJALANKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT SEHINGGA SEMUA YANG LAYAK AKAN MENDAPAT LATIHAN, DAN SETERUSNYA DAPAT MENYELESAIKAN KEKURANGAN GURU TERLATIH.

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN, KEMENTERIANNYA AMAT MEMERLUKAN SUMBANGAN DAN KERJASAMA DARI SEMUA PIHAK YANG BERMINAT TERHADAP KEMAJUAN PELAJARAN DI NEGARA INI TERMASUK JUGA IBUBAPA DAN MASYARAKAT SELURUHNYA.

+DENGAN PENYERTAAN DAN KERJASAMA DARI RAKYAT SEMUA, KITA MEM-PUNYAI HARAPAN YANG LEBIH CERAH UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN PELAJARAN YANG LEBIH TINGGI BAGI ANAK-ANAK KITA DI MASA INI DAN AKAN DATANG.+

KERJASAMA MEREKA JUGA PERLU UNTUK MEMBIMBING ANAK-ANAK SUPAYA BERDESPILIN DAN MEMPUNYAI AKHLAK YANG BAIK YANG MANA MENJADI PERKARA PENTING BAGI PERKEMBANGAN JIWA YANG SEIMBANG DI KALANGAN ANAK-ANAK. -BERNAMA 1705/MM